

PM: Tragedi Baling berpunca fahaman pelampau

KUALA LUMPUR 30 Nov. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tragedi berdarah di Kampung Memali, Baling baru-baru ini berpunca daripada sikap dan fahaman pelampau golongan terlibat yang mempunyai kaitan politik.

Beliau percaya Ibrahim Libya telah terbawa-bawa dengan kefahamannya yang melampau.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan persidangan ketujuh ASEAN - CCI di sini hari ini, beliau berkata PAS tidak boleh berlepas tangan sepenuhnya daripada kejadian itu kerana Ibrahim pernah bertanding atas tiket parti itu dalam pilihanraya.

Dalam peristiwa berdarah di Kampung Memali 19 November lalu, empat anggota polis dan 14 penjenayah terbunuh bila tercetus 'pertempuran' antara polis dan kumpulan penjahat di rumah Ibrahim Libya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Yang menjadi

Oleh Kris Kan

perkara utama ialah kerana sikap pelampau mereka... ia mempunyai kaitan politik...walaupun PAS tidak menyokong tindakan seperti itu."

Perdana Menteri juga menolak dakwaan bahawa peristiwa itu berlaku disebabkan kebuluran di kawasan luar bandar.

"Kebuluran luar bandar adalah cerita lama. Kenapa dulu tak ada peristiwa seperti ini? Kenapa tidak berlaku semasa zaman jajah British dulu?"

"Mereka hanya mengambil kesempatan sekarang kerana kami demo-

kratik," katanya semasa merujuk kepada dakwaan setengah pihak bahawa kebuluran telah memaksa masyarakat di Kampung Memali bertindak demikian.

Beliau mempersoalkan kenapa peristiwa yang sama tidak berlaku di ka-

LHAT MUKA II

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Tragedi Baling berpunca fahaman pelampau

wasan - kawasan lain yang dikatakan mengalami kebuluran juga.

"Sekiranya ini berlaku kerana kebuluran, 20 peratus daripada penduduk di negara ini akan memberontak.

"Tetapi betulkah rakyat kebuluran? Tunjukkan pada saya siapa yang telah mati kerana kebuluran luar bandar," katanya.

Sementara itu, beliau

menyangkal anggapan bahawa tindakan timbalannya, Datuk Musa Hitam mengeluarkan kenyataan mengenai tragedi Baling hanya selepas beliau meninggalkan negara (untuk ke China) adalah bertujuan untuk memalukannya.

Perdana Menteri menjelaskan, Datuk Musa terpaksa membuat demikian kerana beliau (Datuk Musa) masih belum mendapat

laporan penuh mengenai peristiwa itu pada masa itu.

"Datuk Musa membuat kenyataan itu selepas saya bertolak (ke China) bukan untuk memalukan saya. Tetapi kerana beliau belum mendapat laporan penuh," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam telah membuat satu kenyataan rasmi mengenai peristi-

wa di Baling di mana 18 orang termasuk empat orang anggota terbunuh dalam pertempuran antara polis dan penjenayah-penjenayah, hanya sehari selepas peristiwa itu berlaku.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan, Datuk Musa memang terpaksa menunggu laporan penuh sebelum membuat kenyataan.